

Mutakhir 17 Februari 2017



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' DR. MAZLAN BIN YUSOFF
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR PERANCANGAN STRATEGIK
MAMPU 2017**

**17 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)
8.00 MALAM**

**DEWAN UTAMA,
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI,
BANDAR ENSTEK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan Salam Sehati Sejiwa.

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti Dzazali,
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) MAMPU,

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar,
Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan) MAMPU,

Yang Berusaha Puan Puteri Azlina binti Megat Ramli,
Pengarah Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat,

Ketua-ketua Perunding ICT Sektor Awam,

Pengarah-pengarah Bahagian,

Perunding-perunding ICT Sektor Awam,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Seminar Perancangan Strategik MAMPU bagi 2017.

UCAPAN TERIMA KASIH

2. Terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat (BPKK) selaku penganjur dan urus setia bagi Seminar Perancangan Strategik (SPS) pada kali ini atas komitmen dan kerjasama sehingga SPS dapat dilaksanakan jua pada hari ini.

3. Sesungguhnya sesi pada kali ini merupakan satu peluang untuk saya menghasratkan manifestasi iltizam Kepimpinan Tertinggi Negara serta aspirasi MAMPU yang seterusnya agar gagasan cemerlang MAMPU sebagai sebuah organisasi yang *eminent*¹ dan bitara dalam perkhidmatan awam dapat direalisasikan.

¹ Diertikan sebagai terkemuka, terbilang dan unggul.

4. Sedarlah kita akan hakikat kesinambungan sebuah kepimpinan seperti yang dinyatakan oleh Burnison (2015) dalam bukunya ***The Leadership Journey: How to Master the Four Critical Areas of Being a Great Leader:***

“The journey is never about the leader, but it starts with the leader. Along the way, we as leaders within our own frontier are the motivators, navigators and coaches – charting the course, setting the pace, and challenging direction when necessary”.

5. Untuk itu, saya menyeru semua warga MAMPU untuk mempergiat segala daya usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang selaras dengan Pelan Strategik MAMPU 2016 – 2020. MAMPU juga perlu menyahut seruan Yang Berbahagia Dato’ Sri Zainal Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, untuk memekarkan kerjasama strategik dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memurnikan iltizam dalam melaksanakan dasar dan program Kerajaan².

² Merujuk kepada ucapan tahniah YBhg. Dato’ Sri KPPA atas pelantikan YBhg. Dato’ Dr. Mazlan Yusoff sebagai Ketua Pengarah MAMPU yang baharu di laman Facebook rasmi MAMPU bertarikh 26 Januari 2017.

PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM LANDSKAP GLOBAL (BIG PICTURE)

KEMUNCULAN MEGATRENDS

6. Dunia yang kita huni ketika ini diselubungi oleh pelbagai ketidaktentuan. Realiti baharu dalam bentuk *the new normal* yang menerjah setiap penjuru dunia, menjadikan peranan kerajaan dalam menentukan hala tuju dan kelangsungan negara, semakin sukar. Pricewaterhouse Coopers (PwC) menggagaskan **lima megatrends global** yang perlu didepani oleh kita pada hari ini, iaitu:

- (a) Ketidaktentuan ekonomi global;
- (b) Kemunculan pekerja *millennials*;
- (c) Kepantasan urbanisasi;
- (d) Penyusutan sumber atau *resource stress*; dan
- (e) Revolusi teknologi keempat.

7. **Ketidaktentuan ekonomi global** memperlihatkan kelembapan ekonomi yang melanda sebahagian besar dunia masa kini yang begitu pahit, namun perlu ditelan oleh semua pihak. International Monetary Fund (IMF) terpaksa menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2016 dan 2017 sebanyak 0.2 peratus, menjadikannya 3.2 dan 3.4 peratus.

Situasi ini bagai menggambarkan kadar pertumbuhan ekonomi yang terus menurun terutamanya bagi negara-negara membangun, walaupun pertumbuhan ekonomi global dikuasai sehingga 70 peratus. Paling terkesan ialah harga minyak dunia yang jatuh mendadak sejak Jun 2014, dan sehingga kini harga minyak dijangka kekal rendah dengan kadar purata USD 40 dan USD 50 setong.

8. **Kemunculan pekerja *millennials***, merupakan *megatrends* yang kedua penting dinyatakan oleh PwC. Ini merujuk kepada golongan pekerja yang lahir antara tahun 1980 dan 2004, yang semakin dominan dalam dunia pekerjaan. Populasinya semakin berkembang sedangkan keadaan pasaran tenaga kerja semakin tepu, dan kemudahan pendidikan serta pekerjaan menjadi isu utama yang perlu diselesaikan. Golongan yang lahir dan membesar dalam era digital ini serba sofistikated, gemar mencabar tradisi, bercita-cita besar serta memiliki jaringan sosial yang luar biasa.

9. Seiring dengan itu, **kepantasan urbanisasi** mencipta satu dimensi baharu yang membuka peluang kepada peningkatan taraf sosio ekonomi penduduk bandar, semenjana pada masa yang sama menimbulkan tekanan dari segi penyediaan kemudahan asas dan keperluan sosial. Lantaran itu, kos pembangunan infrastruktur turut meningkat dan menuntut

supaya metro dan megapolitan melupakan kaedah konvensional dalam mengekalkan daya huninya.

10. *Megatrends* yang keempat ialah **penyusutan sumber atau *resource stress***. Penduduk dunia dijangka mencecah 8.5 bilion menjelang tahun 2030 dengan andaian pertambahan sebanyak 80 juta penduduk setiap tahun. Ledakan populasi yang diiringi oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan, menghadirkan cabaran kepada dunia untuk melestarikan pengurusan sumber termasuk air, makanan, tanah dan tenaga. Pasti tanpa perancangan dan pengurusan sumber yang berkesan, bumi ini akan perlahan-lahan mati sementara penghuninya berlumba-lumba dengan halobanya merebut sumber yang ada.

11. Dan yang kelima, **revolusi teknologi keempat** yang juga dikenali sebagai ***The Fourth Industrial Revolution***. Pada saat ini, kita sedang berada di ambang revolusi teknologi yang bakal mengubah norma kehidupan, kerjaya dan hubungan sesama manusia. Transformasi yang bakal membadai dunia tidak lama lagi merupakan sebuah era revolusi yang tidak pernah dibayangkan atau dirasai oleh manusia sejagat.

12. Mengikut Klaus Schwab, pengasas dan Pengerusi Eksekutif Forum Ekonomi Dunia (WEF), **Revolusi Industri** dunia bermula pada 1784 menyaksikan manusia mula

menggunakan tenaga mekanikal, air dan wap untuk menggantikan tenaga manusia. Seterusnya Revolusi Industri Kedua berlaku pada 1870 yang melihat kilang-kilang pembuatan mula dibangunkan dan penggunaan elektrik meluas. Sekitar 1969, Revolusi Industri Ketiga pula tercetus. Manusia mula memanfaatkan elektronik, teknologi maklumat dan bidang pembuatan mula diautomasi. Kini, Klaus Schwab menjangkakan Revolusi Industri Keempat bakal tercipta dalam tempoh tidak lama lagi.

13. Menurut Schwab juga, kepantasan transformasi industri pada hari ini tidak pernah dialami oleh dunia sebelum ini. Evolusi industri pada zaman ini berlaku secara eksponential³ dan bakal mempengaruhi kemajuan industri di seluruh dunia. Kemunculan teknologi terkini seperti *artificial intelligence*, robotik, *internet of things*, nanoteknologi, bioteknologi dan banyak lagi menandakan kita semakin hampir dengan perubahan ini. Schwab berpendapat Revolusi Industri Keempat berpotensi untuk meningkatkan tahap pendapatan global dan juga menambah baik kualiti kehidupan rakyat.

14. Pada hari ini kita mengenali Airbnb, Netflix, Uber, Grab dan pelbagai aplikasi serta *disruptive technology* lain yang telah mengubah kehidupan kita sedikit demi sedikit. Pada masa

³ Peningkatan secara mendadak, drastik dan berterusan.

hadapan, inovasi ke atas teknologi akan menjadikan kita lebih cekap dan produktif dalam menjalani urusan seharian dan seterusnya berpotensi memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

15. Jadi apakah peranan kita? MAMPU sebagai sebuah agensi yang bertindak selaku penggubal dasar tiada pilihan selain untuk berasimilasi dengan perubahan pantas persekitaran teknologi yang terkini. Sebagai agensi pusat, kita perlu selangkah di hadapan sesuai dengan peranan MAMPU untuk memacu dan menggerakkan transformasi penawaran perkhidmatan awam menjelang tahun 2020. Untuk itu, kita perlu bekerjasama rapat bukan hanya dengan agensi sektor awam, malah turut melibatkan entiti bisnes, persatuan dan masyarakat awam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

ENSURING THE RELEVANCY OF MAMPU

16. Perkembangan masa depan digital dan gangguan digital (*digital disruptions*) bukan sahaja memberikan cabaran kepada sektor perniagaan dan kerajaan hari ini tetapi pada masa yang sama, turut membuka peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan. Saya percaya, adalah penting dan tepat pada masanya bagi MAMPU untuk mereka bentuk semula dan

merevolusikan penawaran perkhidmatan berdasarkan keperluan terkini. Di samping itu, MAMPU perlu bersiap siaga untuk mencabar status *quo* bagi merealisasikan sistem penawaran perkhidmatan awam demi menyokong agenda ekonomi digital negara.

17. Saya juga akui perjalanan ke arah penawaran perkhidmatan awam digital ini sungguh mencabar. Walau bagaimanapun, MAMPU tidak terkecuali. Oleh itu, MAMPU perlu ke hadapan memimpin sektor awam mengambil langkah-langkah strategik bagi mendakap kemas trend mega ini. Saya ambil perumpamaan, seekor jerung yang tidak akan berhenti berenang untuk memastikan kelangsungan hidupnya terjamin. Sekiranya jerung ini berhenti berenang, ia akan mati kerana tidak mendapat oksigen untuk bernafas.

18. Begitu juga halnya dengan kita yang perlu terus belajar dan berubah ke arah yang lebih produktif untuk kekal relevan dalam landskap semasa perkhidmatan awam. Merevolusikan penawaran perkhidmatan awam digital memerlukan penggunaan data terbuka, penyediaan infrastruktur teknologi oleh kerajaan dan juga pengubahsuaian perkhidmatan sedia ada untuk memenuhi keperluan dan jangkaan baharu rakyat.

19. Oleh itu, inisiatif-inisiatif masa kini berkaitan data terbuka, data raya, analitis data raya, perkhidmatan dalam talian dan juga kemunculan teknologi disruptif (*disruptive technologies*) perlu diperhalusi sebaik-baiknya, dilaksanakan dengan betul, cekap dan berkesan supaya akhirnya memberi manfaat nilai untuk wang kepada negara.

MALAYSIA DARI LENSA GLOBAL

20. Walaupun ekonomi dunia diramalkan akan mengalami pertumbuhan lebih baik pada 2017 berbanding hanya sekitar 3.15% pada tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahawa fokus utama perlu diberikan bagi menghadapi faktor-faktor luaran, termasuklah pasaran kewangan global yang sukar diramal serta pengaruh dasar-dasar luar pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat baharu yang mampu mempengaruhi geopolitik dunia. Dalam keadaan ini, faktor asas yang dapat memperkukuh ketahanan dalaman negara (*national resilience*) ialah kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan dan menyampaikan segala projek, program dan bantuan kepada rakyat, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

21. Daripada perspektif penyampaian perkhidmatan awam, elemen cabaran dan persaingan di peringkat global ini telahpun

diulas oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam ucapannya semasa merasmikan Persidangan CIO Convex 2016. Usaha untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai kerajaan digital terbaik di dunia belum mencukupi apabila kedudukan Malaysia dalam *United Nations E-Government Index* (UN EGDI) 2016 jatuh daripada kedudukan ke-52 pada tahun 2014 kepada kedudukan ke-60 pada tahun lalu. Namun, jika diamati, skor yang diperolehi menunjukkan peningkatan daripada 0.68 kepada 0.72.

22. Secara lebih menyeluruh, prestasi global Malaysia dalam Indeks *Ease of Doing Business* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia mencatatkan penurunan sebanyak empat tangga kepada kedudukan ke-22 pada tahun lalu. Manakala, kedudukan Malaysia dalam *World Competitiveness Yearbook* (WCY) dilaporkan telah menurun daripada tangga ke-14 pada tahun 2015 kepada tangga ke-19 pada tahun 2016. Trend penurunan ini merupakan cabaran utama Kerajaan dalam menanda aras negara di persada antarabangsa sementelah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Malaysia menetapkan sasaran untuk mencapai kedudukan antara 10 negara terbaik dalam Indeks WCY.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

40 TAHUN MENYUBUR KECEMERLANGAN ORGANISASI

23. Dalam melaksanakan agenda perdana transformasi negara, penjawat awam termasuklah warga MAMPU perlu memainkan peranan sebagai pemacu perubahan (*change agent*) secara berterusan. Sebagaimana prinsip yang dipegang oleh Kerajaan, bahawa:

“Kerajaan ini, ialah Kerajaan yang gigih berusaha, dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan pelaksanaan yang tersusun, efisien lagi holistik. *Indeed, this Government has delivered, we are still delivering and most importantly, we will continue to deliver.*”

Dipetik dari Ucapan Bajet 2017 oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan (21 Oktober 2016).

24. Seiring dengan prinsip ini, MAMPU yang sejak awal penubuhan telah mempelopori Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam dengan *tagline* **“Bersama-sama Melaksanakan Transformasi”**. MAMPU telah menjadi tulang

belakang kepada transformasi perkhidmatan awam. MAMPU bukan setakat mampu pada nama sahaja, malah MAMPU menjadi lebih gah dan nyata jika ada kesediaan warga MAMPU sekalian untuk berubah (*evolve*) secara proaktif, kreatif dan inovatif.

25. Semenjak penubuhannya, MAMPU telah melaksanakan peranan sebagai peneraju dalam pemodenan urus tadbir Kerajaan bermula dengan pengenalan langkah-langkah **pemodenan pentadbiran dan pembudayaan perkhidmatan pada tahun 1970-an; mempelopori pembudayaan kualiti dan produktiviti pada tahun 1980-an; menerajui revolusi digital dan bertindak sebagai agensi peneraju ICT sektor awam pada tahun 1990-an dan mutakhir, menyokong agenda transformasi negara dalam merakyatkan perkhidmatan awam.**

26. Nescaya, apabila kita memandang ke hadapan, kita semua boleh menjangka mehnah dan tribulasi yang lebih getir bakal kita lalui pada tahun ini. Ayuh, kita sama-sama terus fokus dalam memperkasakan keupayaan organisasi ini dan memperkukuh kepercayaan pemegang taruh agar MAMPU terus relevan sebagai agensi pusat yang menerajui transformasi sistem penawaran perkhidmatan awam dan menjadi pilihan rujukan utama pelbagai pihak.

27. Walau bagaimanapun, suka saya ingatkan. Tanpa sesuatu yang unik atau kekuatan yang istimewa, MAMPU boleh kecundang, pincang dan tempang dalam melaksanakan peranannya. Bidang transformasi penawaran perkhidmatan sama ada dalam pengurusan organisasi atau ICT bukanlah hak eksklusif MAMPU. Tidak mustahil peranan MAMPU direbut oleh agensi-agensi pesaing di luar sana. MAMPU perlu membuktikan bahawa ia bukan jaguh kampung yang bersaing dalam kelompok liga tempatan semata-mata, tetapi ia optimis menempatkan dirinya setanding dengan universiti, badan profesional, firma perundingan dan penyelidikan ternama bertaraf antarabangsa, yang turut melaksanakan teras perkhidmatan seperti yang dilakukan oleh MAMPU, iaitu penyampaian khidmat runding dan penyelidikan dalam pengurusan organisasi serta ICT.

ANALISIS PERSEKITARAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

28. Dalam konteks RMKe-11 bagi tempoh 2016 sehingga 2020, inisiatif Kerajaan akan lebih tertumpu kepada memenuhi segenap keperluan rakyat dan sebahagian besar fokus akan diberi kepada usaha meningkatkan keberkesanan dan produktiviti sektor awam. Di sinilah MAMPU harus memainkan peranan utama dalam memastikan pelaksanaan satu daripada teras strategik RMKe-11, di bawah **Objektif Bab 9:**

Mentransformasikan Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti. Seperti yang dinyatakan dalam **Dokumen Faharasat Inisiatif MAMPU Dalam Rancangan Malaysia Ke-11**, MAMPU hendaklah terus komited dalam melaksanakan tiga bidang fokus yang telah dikenal pasti berpaksikan kepada lima strategi utama, iaitu:

Pertama: Menambah baik proses penyampaian bagi meningkatkan kepantasan bertindak.

Kedua: Mengurangkan karenah birokrasi perkhidmatan awam dan perkhidmatan bukan teras.

Ketiga: Memanfaatkan data bagi meningkatkan keberhasilan (*outcome*) dan mengurangkan kos.

Keempat: Memperluas jangkauan perkhidmatan peningkatan libat urus bersama rakyat.

Kelima: Meningkatkan akauntabiliti dengan memfokuskan kepada ketelusan dan keberhasilan.

29. Manifestasi **Transformasi Nasional 2050 (TN50)** menggariskan bahawa **untuk mengekalkan ketamadunan sesebuah negara, tunjang utama yang perlu dimiliki ialah**

ilmu, kepimpinan dan nilai teras yang baik. TN50 menzahirkan suara rakyat dan bukan lagi pemerintah dalam penetapan visi dan misi negara untuk tempoh tiga dekad yang akan datang.

30. Dalam Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diadakan pada 16 Februari 2017 (semalam), saya melihat wujud ruang untuk MAMPU menjadi lebih menyerlah melalui penganjuran program yang berbentuk musyawarah. Program ini hendaklah melibatkan penyertaan **Penjawat Awam Muda**, bagi mendapatkan input sistem penawaran perkhidmatan awam untuk tujuan pendokumentasian TN50 yang bakal dibentangkan pada 16 September 2018. Jadikan SPS ini sebagai wacana untuk merencanakan program-program yang bersesuaian, berimpak tinggi dan mengikut acuan MAMPU yang tersendiri dalam mendukung agenda perdana negara ini.

31. Antara cabaran lain yang harus kita ambil perhatian termasuklah gagasan besar yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, iaitu **2017 – The Year of Delivery**. Gagasan ini sangat dekat dengan MAMPU dan kita harus menggembeleng tenaga, bersatu hati untuk memastikan hasrat Perdana Menteri untuk melihat kecekapan dan keberkesanan jentera kerajaan meningkat dan sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

32. Selain tiga perkara besar yang telah saya sebutkan tadi, kita juga perlu mengambil kira situasi lain yang bakal mempengaruhi perkhidmatan teras MAMPU antaranya ialah keperluan untuk menambah baik kedudukan negara dalam penarafan global seperti UN EGDI, Ease of Doing Business dan World Competitiveness Yearbook, pemekatan teknologi dalam talian untuk perkhidmatan kerajaan, cabaran ketidaktentuan ekonomi dunia, perkembangan *internet economy* di negara-negara maju, pemanfaatan inisiatif NBOS dan akhir sekali aspek integriti yang wajib dijadikan pegangan oleh setiap dari kita dalam menunaikan obligasi kita kepada organisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

MEMETA KESAKTIAN TRANSFORMASI GEMILANG

33. Kerangka model empat kuadran seperti yang tuan-tuan dan puan-puan lihat di layar ini saya namakan sebagai **Model Retrofit MAMPU**. Kuadran pertama, **Neo MAMPU: Mencipta Jenama Baharu MAMPU** (*Creating A New Brand For MAMPU*), kuadran kedua, **MAMPU Sebagai Pusat Kecemerlangan Organisasi** (*MAMPU As A Centre for Organizational Excellence*), kuadran ketiga, **Program-program Berimpak Tinggi** (*High Impact Programmes*), kuadran keempat,

Memperkasakan Tadbir Urus Korporat (*Strengthening Corporate Governance*), dan titik pertemuan bagi keempat-empat kuadran ini, ***Sharpening The Saw***.

34. Paksi X mewakili tahap impak, sementara paksi Y menggambarkan tahap strategik. Semakin tinggi tahap strategik yang dilaksanakan, maka semakin tinggi impak yang akan diterima. Model ini selanjutnya didasari oleh nilai teras yang merangkumi budaya, integriti, nilai yang dipegang dan semangat kekitaan. Tuntasnya, model ini mendapak kemas dan holistik tunjang-tunjang yang dinyatakan dalam TN50, iaitu ilmu, kepimpinan dan nilai teras yang baik.

NEO MAMPU: MENCIPTA JENAMA BAHARU MAMPU (*CREATING A NEW BRAND FOR MAMPU*)

35. Izinkan saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk meneropong masa hadapan MAMPU dengan berfikir melebihi garis kebiasaan horizon yang nyata. Laraskan pandangan kita kepada titik yang menjadikan organisasi tercinta ini sebagai sebuah **NEO MAMPU**, yang gah dalam mengkatalis pendigitalan perkhidmatan sektor awam secara meluas.

36. Albert Einstein pernah berkata, ***“Logic will get you from A to B. Imagination will take you everywhere”***. Lantas, tidak

harus ada rasa enggan, tidak yakin, atau takut untuk menjadikan gagasan ini sebagai suatu realiti. Saya sangat optimis, dengan adanya komitmen padu daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian serta lontaran idea bernas bagi merekayasa pembaikan mutu penawaran perkhidmatan MAMPU khususnya, dan sektor awam keseluruhannya, MAMPU akan menjadi *Maestro of Data Optimizations and Transformation in Government Services*.

37. 2017 merupakan Tahun Penyampaian Perkhidmatan (*Year of Delivery*). Tembok kemustahilan telah lama kita pecahkan. Kini masanya untuk kita leburkan besi yang menghalang kita untuk terus maju agar garis pemisah tidak lagi kelihatan. Jiwai dan teladani semangat Strategi Lautan Biru. Bukanlah sesuatu yang tidak mungkin andai MAMPU bertindak sebagai hab kepada program-program berimpak tinggi yang berpaksikan Strategi Lautan Biru. Kita sudah ada contoh-contoh yang begitu serasi dengan kita. **Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) dan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) ialah antara program berimpak tinggi MAMPU yang dilaksanakan secara strategik di bawah strategi ini.**

38. Namun begitu tuan-tuan dan puan-puan, wajarkah langkah kita terhenti sampai di sini sahaja dan mendabik dada tanda cukup sudah bakti MAMPU? Untuk merealisasikan impian menjadi sebuah *Centre for Strategic Futures*, kuadran pertama

ini semestinya menuntut warga MAMPU menjadi *the alchemist* yang mempunyai keupayaan untuk mencipta semula (*ability to reinvent*), menjadi *the strategist* yang memiliki keupayaan untuk mengubah (*ability to transform*), dan menjadi *the achiever* yang mengungguli keupayaan untuk berfikir ke hadapan dan menyeluruh (*ability to think forward and across*). Ambillah contoh kepada yang sudah, ambillah tuah kepada yang menang. Teladani legasi yang diwarisi agar MAMPU menjadi lebih perkasa dalam mencipta inovasi baharu negara.

MAMPU SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN ORGANISASI (MAMPU AS A CENTRE OF EXCELLENCE)

39. Kuadran kedua merujuk kepada matlamat berimpak tinggi yang berjangka sederhana, iaitu visi untuk merealisasikan MAMPU sebagai sebuah agensi perundingan dan penyelidikan yang unggul serta menjadi rujukan utama oleh semua agensi sektor awam. Peranan MAMPU sebagai Pusat Kecemerlangan Organisasi seharusnya tidak tersangkal oleh banyak pihak. Bidang penyelidikan pengurusan umpamanya, menjadi omboh dalam enjin perkhidmatan awam dalam merekayasa penambahbaikan yang berterusan. Inovasi dipacu dan kreativiti dipasakkan agar ilmu dan pendekatan baharu dapat dijana,

diberi nafas dan disebar luas ke segala⁴ organisasi yang mendambakan khidmat dan bakti MAMPU.

40. Perunggu⁵ keselesaan tidak wajar lagi untuk kita jadikan mainan. Sebaliknya, perembangkan adicita⁶ yang menggunung agar MAMPU berdiri teguh bukan sahaja sebagai gapura ilmu, tetapi lebih daripada itu, MAMPU menghimpunkan jauhari⁷ unggul dalam pelbagai bidang yang terangkum. Ini termasuklah dalam bidang perundingan yang meliputi aspek pengurusan seperti perancangan senario (*scenario planning*), dasar dan perancangan strategik, perekayasaan (*business process reengineering*), pengurusan risiko, pengurusan perubahan sementara dalam bidang ICT meliputi pembangunan aplikasi, keselamatan rangkaian, perancangan projek dan pengurusan maklumat.

41. Sebagai pusat kecemerlangan organisasi, darah penulisan dan penerbitan sudah mengalir sebatu dengan MAMPU. Saya percaya ramai dalam kalangan pegawai di MAMPU mempunyai bakat dalam kedua-dua bidang ini. Lantaran itu, daya upaya untuk melahirkan lebih banyak bakat-bakat baharu dalam penulisan perlulah digarap dengan lebih giat lagi. Hal ini penting kerana kuasa penulisan dan penerbitan berupaya

⁴ Diertikan sebagai lautan.

⁵ Kepompong.

⁶ Diertikan sebagai ideologi.

⁷ Orang yang cerdik pandai.

menterjemahkan prakarsa-prakarsa MAMPU ke luar sana. Di samping itu, kita juga perlu bijak memanfaatkan media sosial sebagai medium komunikasi tanpa sempadan demi memposisikan MAMPU sebagai entiti yang disegani dalam arena penawaran perkhidmatan sejajar dengan sifat media sosial itu sendiri, yang merupakan pilihan utama rakyat yang mudah diakses.

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS KORPORAT (*STRENGTHENING CORPORATE GOVERNANCE*)

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

42. Dalam kuadran ketiga, elemen-elemen yang perlu diambil kira termasuklah tadbir urus korporat, persekitaran kerja yang kondusif, integriti dalam penyampaian perkhidmatan, dan hubungan silaturahim sesama kita. Tanpa elemen-elemen ini, nilai sepunya dalam merealisasikan gagasan adicita bitara ini tidak akan tercapai.

43. Tadbir urus korporat yang baik misalnya menuntut supaya visi dan misi organisasi digagaskan secara berstruktur di samping mewujudkan pelan tindakan yang bukan semata-mata di atas helaian berwarna, tetapi diterjemahkan ke dalam bentuk realiti. Ini penting supaya setiap objektif organisasi dapat

dipantau dan pencapaian prestasi organisasi mempunyai kayu ukur yang jelas. *“If management is about running the business, governance is about seeing that it is run properly.”*

44. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) merupakan inisiatif MAMPU yang amat dekat dengan kuadran ketiga ini. MAMPU harus menjadi suri teladan kepada pelaksanaan EKSA di Sektor Awam. Malah persekitaran kerja yang kondusif dan memenuhi keperluan warga MAMPU merupakan satu keperluan dalam standard sistem pengurusan kualiti (*quality management system*) versi 9001:2015. Dengan adanya persekitaran kerja yang kondusif, penyampaian perkhidmatan akan menjadi lebih efektif dan efisien tanpa mengabaikan nilai integriti dan kebersamaan.

45. Kejar dan gapailah gemerlap bintang gemilang tidak kira walau di mana arena sekalipun termasuklah sukan, sosial, kesenian, rekreasi, inovasi, dan pekerjaan. Pengiktirafan yang diperoleh ini pastinya memberikan jaminan kepada mereka yang di luar sana untuk terus mempercayai MAMPU. Saya menyokong dua ratus peratus apa jua penyertaan MAMPU dalam pertandingan-pertandingan dan pencalonan anugerah yang ada tidak kira di peringkat mana sekalipun, kerana saya yakin kita, MAMPU boleh melakukannya.

PROGRAM-PROGRAM BERIMPAK TINGGI (*HIGH IMPACT PROGRAMMES*)

46. Sewaktu saya mengetuai Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai Pengarah, saya telah diamanahkan untuk mengarusperdanakan latihan berkaitan dengan NBOS di segenap peringkat perkhidmatan selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjimatkan kos, menghapuskan silo dalam kalangan agensi kerajaan serta melaksanakan projek-projek berimpak tinggi yang pelaksanaannya secara pantas dan memberikan manfaat langsung kepada rakyat. Tidak keterlaluan jika saya katakan di sini bahawa MAMPU juga berpotensi untuk menjadi hab dan rujukan sektor awam berkenaan dengan pelaksanaan NBOS.

47. Kuadran Keempat dalam Model Retrofit MAMPU merungkaikan bahawa perlunya projek-projek berimpak tinggi yang bercirikan NBOS diteraju dan dilaksanakan oleh MAMPU. Trio Tertinggi MAMPU⁸ telahpun mengenal pasti projek-projek berimpak tinggi yang dapat dilaksanakan dengan perkongsian sumber dan kepakaran keseluruhan warga MAMPU. Projek-projek yang dimaksudkan termasuklah **penubuhan hab perkongsian maklumat sektor awam, perluasan inisiatif ekonomi digital, Zon Perdagangan Bebas Digital (*Digital***

⁸ Merujuk kepada Pengurusan Tertinggi MAMPU yang terdiri daripada Ketua Pengarah MAMPU, Timbalan Ketua Pengarah (TPP) dan Timbalan Ketua Pengarah (ICT).

Free Trade Zone), Enterprise Architecture Sektor Awam serta Pengukuhan Portal MyGovernment Online dan Portal GOS Gateway 2.0. Saya difahamkan bahawa kedua-dua sektor juga akan membentangkan cadangan integrasi projek-projek berimpak tinggi ini semasa seminar ini nanti.

48. 2016 mencatatkan momen pencapaian yang amat membanggakan terutama sekali melalui penganjuran acara-acara utama termasuklah **Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, CIO CONVEX, Hackathon Data Terbuka Sektor Awam, Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) dan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM)** yang mana penganjurannya sangat berjaya dan mengujakan tetamu yang hadir. Ternyata MAMPU juga turut dirujuk sebagai *maestro* dalam penganjuran majlis-majlis besar seperti ini. Tenaga dan kudrat perlu digembleng agar “aset dan keistimewaan” yang berimpak tinggi ini boleh diperkemaskan dari segi penganjuran dan juga keurusetiaannya.

49. Menyedari pentingnya transformasi perkhidmatan awam menerusi pendekatan Kerajaan Digital, MAMPU akan terus komited selaku penggerak dan agen perubahan dalam menerajui misi transformasi, melalui pelaksanaan pemusatan ICT Kerajaan yang membolehkan MAMPU bertindak sebagai Ketua Perkhidmatan ICT. Kompetensi dan kepakaran dalaman

akan dipertingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada pihak ketiga, yang secara tidak langsungnya mampu memberikan penjaminan kewangan yang besar kepada Kerajaan.

SHARPENING THE SAW

50. Presiden Abraham Lincoln pernah berkata, *“If I had six hours to chop down a tree, I’d spend the first four hours sharpening the axe”*. Hakikatnya, gagasan dan manifestasi yang telah saya garapkan untuk menjenamakan semula MAMPU ke peringkat yang lebih tinggi tidak mungkin menjadi realiti tanpa usaha yang gigih untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran pegawai-pegawai MAMPU di segenap peringkat.

51. Medan baharu perjuangan MAMPU memerlukan warganya membuat persediaan yang kemas dan rapi khususnya dari aspek kemahiran dan pengetahuan. Saya yakin dan percaya bahawa trajektori baharu pembangunan diri yang holistik dan berimpak tinggi mampu menjadikan warga MAMPU lebih kompeten. **Marshall Goldsmith dalam karyanya yang bertajuk *What Got You Here, Might Not Get You There (2007)*** menyenaraikan tujuh langkah untuk mengatasi halangan bagi seseorang individu daripada terus mencipta kejayaan. Langkah paling utama yang dinyatakan beliau ialah kepentingan

pendekatan proaktif terhadap sebarang maklum balas yang diterima, baik positif mahupun negatif.

52. Dalam konteks ini, wujud keperluan untuk MAMPU terus melahirkan pegawai-pegawai yang serba boleh, mahir, dan berketrampilan dalam memikul tanggungjawab untuk menyampaikan sesuatu perkhidmatan secara berkesan. Ini termasuklah kemahiran berkomunikasi, cekap dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan, fasih membentangkan panji transformasi, serta handal menganalisis senario semasa demi kepentingan perkhidmatan awam. Hasrat ini boleh direalisasikan melalui usaha-usaha perkongsian pengalaman dan kepakaran serta interaksi dinamik secara *coaching and mentoring* dalam kalangan warga. Ini menjadikan semua pegawai MAMPU sentiasa unggul dan disegani walau di mana sahaja berada, dicampak ke darat menjadi gunung, dicampak ke laut menjadi pulau. Demikianlah kualiti yang perlu ditanam dalam setiap pegawai MAMPU. Tampil ibarat berlian yang tergilap, bersinar dengan persona yang tersendiri walau di mana langit dijunjung.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

53. Penglibatan aktif dalam aktiviti berpersatuan juga tidak harus kita lupakan. Kita ada Kelab Kebajikan dan Sukan

MAMPU, Puspanita Cawangan Kecil MAMPU, Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, PERJASA⁹ dan banyak badan NGO yang lain. Masih tidak terlambat untuk saya ucapkan tahniah kepada Kelab Kebajikan dan Sukan MAMPU yang berjaya meraih Anugerah Pasukan Terbaik dan juga Anugerah Olahragawan pada Hari Kecemerlangan dan Inovasi Jabatan Perdana Menteri pada tahun lepas. Saya percaya, komitmen padu ahli Kelab yang banyak menyumbang tenaga dan keringat dalam setiap aktiviti yang dianjurkan menjadi nadi utama kepada kejayaan ini. Kata kunci yang utama ialah kerjasama berpasukan.

54. Saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk memahami **anologi Formula Satu**. Dalam satu pasukan Formula Satu, ahli-ahlinya terdiri daripada pemandu, pengarah, krew *pit-stop*, jurutera enjin dan sebagainya. Masing-masing mempunyai tugas yang telah pun diamanahkan. Jika tugas-tugas ini tidak dilaksanakan dengan baik, maka tidak sempurnalah pasukan itu, apatah lagi untuk mencapai misi pasukan memenangi pertandingan, memang jauh panggang dari api. Contohnya, kegagalan salah seorang krew *pit-stop* menukar tayar kereta tepat pada masanya atau terlupa untuk memasang satu skru, nescaya akan menjejaskan perlumbaan.

⁹ Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam

55. Samalah juga halnya bila kita berada dalam sesebuah organisasi. Kecemerlangan individu sahaja tidak cukup bagi menjamin kejayaan organisasi sebaliknya, pencapaian sesebuah organisasi ialah hasil usaha sama setiap individu dalam organisasi tersebut. Kita ada ketua, dan kita ada bahagian-bahagian lain yang menjadi nadi dan penggerak kepada organisasi supaya misi dan visi tercapai. Sekiranya satu daripada bahagian ini gagal menjalankan fungsinya dengan baik, maka pincanglah operasi organisasi tersebut, apatah lagi dalam menyempurnakan khidmat terasnya.

56. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga MAMPU untuk **sama-sama berganding bahu** dan mengaplikasikan analogi ini dalam **melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing**. Apa yang penting ialah kerjasama berpasukan. Gandakan pemanduan kita dan pecutlah selajulajunya menuju ke mercu kegemilangan sehingga tidak ada yang bisa menyaingi MAMPU. Bangkit berdiri dan seiring sejalanlah dengan saya segak memacu transformasi pemodenan sektor awam. Kita gariskan pelan tindakan yang perkasa, rencanakan strategi yang ampuh, tetapkan KPI yang bertepatan, selusuri carta perbatuan yang munasabah, dan bina situasi *quick wins* yang memberikan pulangan berimpak tinggi kepada MAMPU.

PENUTUP

57. Akhir kalam, saya tinggalkan tuan-tuan dan puan-puan dengan petikan bijaksana Imam Al-Shafi'i ini:

“All humans are dead except those who have knowledge; and all those have knowlege are asleep, except those who do good deeds; and those who do good deeds are deceived, except those who are sincere; and those who are sincere are always in a state of worry.”

Lantas, bangkitlah dari kedudukan kita yang sekarang. Ayuh, lonjakkan pencapaian MAMPU ke peringkat yang lebih tinggi! Adunkan iltizam dan komitmen secara bersepadu supaya agenda transformasi negara terus diterajui selaras dengan peranan MAMPU sebagai tulang belakang kepada sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

58. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya membuka rasmi Seminar Perancangan Strategik MAMPU 2017.

Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.